



PENGUMUMAN

WAKTU OPERASI 16 JAM DI PUSPAKOM GLENMARIE BERAKHIR PADA 13 JANUARI 2025

Kami kembali beroperasi dari 8.00 pagi hingga 5.30 petang

Pelanggan yang dihormati,

Terima kasih atas sokongan berterusan anda sebagai pelanggan di cawangan PUSPAKOM Glenmarie.

Kami ingin memaklumkan kepada anda bahawa kami akan menamatkan tempoh percubaan lanjutan operasi 16 jam iaitu dari 7 pagi hingga 11 malam, berkuat kuasa pada hari Isnin, 13 Januari 2025 sehingga dimaklumkan kelak. Kami akan kembali ke waktu operasi asal iaitu dari 8 pagi hingga 5.30 petang. Penamatan ini merupakan langkah strategik syarikat dan tidak akan menjejaskan mutu perkhidmatan.

Para pelanggan dinasihatkan untuk membuat penjadualan semula (*reschedule*) di MyPUSPAKOM. Sekiranya tiada penjadualan semula, pembayaran balik (*refund*) akan dibuat secara automatik. Pasukan Khidmat Pelanggan kami akan menghubungi semua pelanggan yang terlibat secara terus untuk keterangan lanjut.

Kami memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku. Sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian 03-5101 7000 atau e-mel ke customerservice@puspakom.com.my.

PUSPAKOM Sdn. Bhd.
11 Januari 2025